



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2022/2023

- NAMA KURSUS : PERUNDANGAN DALAM  
INDUSTRI KREATIF
- KOD KURSUS : DAG 22102
- KOD PROGRAM : DAG
- TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI / OGOS 2023
- JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
- ARAHAN : 1. JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN  
SAHAJA
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI  
DILAKSANAKAN SECARA  
**TUTUP BUKU.**
3. PELAJAR **TIDAK DIBENARKAN**  
MERUJUK KEPADA MANA-  
MANA SUMBER RUJUKAN BAGI  
PEPERIKSAAN YANG  
DILAKSANAKAN SECARA  
TUTUP BUKU.

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

- S1** Etika memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Dalam bidang kesenian, etika dititikberatkan bagi menjadikan manusia hidup dengan aman.
- (a) Terangkan apakah yang anda fahami mengenai etika. (4 marks)
  - (b) Huraikan apakah yang anda fahami mengenai undang-undang dalam penggunaan komputer beserta contoh yang sesuai. (6 marks)
  - (c) Rangkaian elektronik mempunyai jaringan yang meluas. Bincangkan apakah rangkaian elektronik. (9 marks)
  - (d) Ahmad merupakan seorang juru animasi. Beliau mempunyai pelbagai idea dan falsafah pemikiran. Apakah cadangan yang sesuai bagi animasi yang akan dihasilkan Ahmad bagi memberi kesan pendidikan kepada kanak-kanak berumur 5 tahun hingga 7 tahun. Hasilkan cadangan animasi anda beserta nilai-nilai baik yang akan diterapkan. (6 marks)
- S2** Akta Hak Cipta 1987 merupakan satu undang-undang yang memberi perlindungan kepada pengkarya seni tempatan. Ianya menjamin hak pemilikan bagi seseorang pengkarya atas karya beliau.
- (a) Berikan definisi apakah akta Hak Cipta 1987. (4 marks)
  - (b) Jelaskan **TIGA (3)** karya seni yang mendapatkan perlindungan dalam akta Hak Cipta 1987. (6 marks)
  - (c) Bincangkan apakah peranan pengawal, timbalan pengawal dan penolong pengawal yang disarankan dalam pemakaian akta Hak Cipta 1987. (10 marks)
  - (d) Adam merupakan seorang artis grafik yang menghasilkan poster mengenai kemerdekaan Malaysia. Apakah saranan hak-hak beliau sebagai seorang pemilik karya asli bagi menjamin pemilikan beliau. (5 Markah)

**TERBUKA**

- S3** Kewartawanan adalah satu cabang kerjaya. Ianya juga mempunyai nilai etika yang berdekatan dalam industri seni.
- (a) Apakah definisi yang sesuai mengenai foto?  
(4 marks)
- (b) Apakah yang anda fahami mengenai kewartawanan foto?  
(6 marks)
- (c) Bincangkan **EMPAT (4)** prinsip dalam ketulenan bahan foto beserta contoh yang sesuai.  
(9 marks)
- (d) Ali seorang wartawan foto sedang menjalankan satu penyelidikan seni di Ranau Sabah. Beliau perlu mematuhi kod peraturan NPPA bagi memastikan data dalam keadaan baik. Hasilkan cadangan langkah yang perlu Ali gunakan bagi mematuhi kod etika NPPA dalam menjalankan penyelidikan seni.  
(6 marks)
- S4** Penyebaran serangan virus dalam internet adalah perkara negatif yang membolehkan pengguna internet terjejas. Hal ini kerana pengguna internet terdedah kepada bahaya pencerobohan hak persendirian.
- (a) Ancaman (DDOS) ialah sejenis serangan di mana berbilang sistem yang terjejas. Ianya meliputi komputer yang sering dijangkiti virus Trojan dan pelbagai jenis virus lain yang berbahaya. Terangkan mengikut turutan bagaimana serangan DDOS berlaku dalam sistem pengkomputeran.  
(10 marks)
- (b) Terangkan undang-undang Akta Jenayah Komputer 1997 beserta contoh yang sesuai.  
(9 marks)
- (c) Huraikan **TIGA (3)** Kod Profesional beserta contoh.  
(6 marks)

**TERBUKA**

- S5 Industri seni kreatif tempatan telah memberi impak baik dalam membangunkan sektor ekonomi Malaysia. Industri ini telah dilindungi dengan beberapa undang-undang berkaitan bagi menjamin hak dan kelangsungan bahan seni kreatif tempatan.
- (a) Apakah definisi bagi industri kreatif. (4 marks)
- (b) Apakah akta penafisan filem. Jelaskan beserta contoh. (6 marks)
- (c) Bincangkan **TIGA (3)** pendekatan etika profesional yang disarankan oleh Lieberman . (9 marks)
- (d) Rosli merupakan seorang juru animasi dan pakar Internet. Beliau diarahkan mengurus dan membuat projek animasi universiti. Bagi menjalankan kerja tersebut, beliau perlu mematuhi etika yang disarankan dalam kod etika professional ACM. Hasilkan cadangan langkah yang perlu Rosli gunakan bagi mematuhi kod etika profesional ACM dalam menjalankan projek tersebut. (6 marks)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA